



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(1 MEI 2009)

SITUASI SEMASA WABAK INFLUENZA A (H1N1)
DAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL
OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam laporannya bertarikh GMT 17:00, 30 April 2009 (1.00 pagi 1 Mei 2009 waktu Malaysia), memaklumkan bahawa wabak influenza A(H1N1) terus merebak dengan cepat, di mana 2 negara baru telah melaporkan kes iaitu Switzerland (1) dan Netherlands(1) menjadikan jumlah negara yang melaporkan wabak Influenza A adalah 11 dengan jumlah kes terkini 257 kes termasuk 8 kematian.

Taburan kes yang dilaporkan mengikut negara adalah Amerika Syarikat 109 dengan 1 kematian, Mexico 97 dengan 7 kematian, sementara kes di 9 negara yang tiada kematian adalah, Austria(1), Canada(19), Germany(3), Israel(2), Netherlands(1), New Zealand(3), Spain(13), Switzerland(1) dan United Kingdom(8).

Bermula 30 April 2009, pihak WHO secara rasmi menamakan wabak ini sebagai wabak **influenza A(H1N1)** dan bukan lagi wabak Swine Flu atau selesema babi. Tahap amaran wabak masih pada Fasa 5 dan belum ada sebarang tindakan sekatan dari segi kesihatan, perjalanan, dan perdagangan di keluarkan oleh pihak WHO. Walau

bagaimanapun, orang awam yang mengalami tanda-tanda jangkitan terutamanya demam, batuk, selesema dan sakit tekak dinasihatkan untuk menanggungkan lawatan antarabangsa. Mereka yang mengalami tanda-tanda berkenaan semasa melakukan lawatan antarabangsa dinasihatkan untuk SEGERA mendapatkan rawatan.

Disamping itu, WHO menekankan aspek amalan kebersihan diri terutama sekali amalan membasuh tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air, lebih-lebih lagi selepas batuk. Sesiapa sahaja yang mengalami gejala '*influenza-like illness*' diminta SEGERA mendapatkan rawatan perubatan. Pihak WHO juga menjelaskan bahawa tiada risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1) dengan memakan daging atau produk babi sekiranya disediakan atau dimasak dengan betul.

Di Malaysia, sehingga 30 April 2009, tiada kes yang disyaki kes influenza A(H1N1) dilaporkan dan juga melalui pemantauan *influenza-like illness* (ILI) di semua fasiliti perubatan dan kesihatan seluruh negara dilaporkan tiada peningkatan kes. Maklumat lanjut kepada seorang pesakit yang dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor telah disahkan tidak mendapat jangkitan influenza A (H1N1) telahpun pulih dan dibenarkan pulang ke rumah pada 30 April 2009.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sedang terus menggiatkan aktiviti saringan kesihatan di semua pintu masuk negara yang utama. Pelancong-pelancong dari negara luar khususnya dari negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) akan disaring dan diberi *Health Alert Card* dan *Health Declaration Form*. Pihak imigresen juga telah membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses saringan penumpang ini.

Pada 30 April 2009, daripada 16 penerbangan antarabangsa yang telah dibuat saringan, sejumlah 829 penumpang yang disaring dan tiada yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan termasuk demam.

Bilik Gerakan peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri akan terus membuat pemantauan situasi wabak influenza A(H1N1) di negara kita dan memastikan tindakan-tindakan proaktif diambil untuk melindungi kesihatan awam penduduk Malaysia. Pelbagai maklumat juga telah disampaikan kepada orang awam, pihak kedutaan asing di Malaysia, pihak media dan pengamal perubatan berkenaan penyakit ini melalui bilik gerakan ini. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus melakukan aktiviti pemantauan dan saringan ini di seluruh negara khususnya di pintu masuk negara.

Orang ramai diminta untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri, khususnya membasuh tangan dan mendapatkan maklumat terkini daripada media dan laman web Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 1 Mei 2009